

**Majlis Pentauliahan
Ahli-Ahli Institusi Pentadbiran dan
Perundangan Islam Negeri Sembilan**

**Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia
Yang di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus,
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum
Tuanku Munawir**

**Isnin, 06 Disember 2021
11.00 pagi**

**Balairong Seri
Istana Besar Seri Menanti**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

1. Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, Majlis Pentauliahah Ahli-Ahli Institusi Pentadbiran dan Perundangan Islam Negeri Sembilan dapat diadakan pada pagi ini.

2. Beta mengucapkan tahniah kepada semua yang menerima tauliah pada hari ini. Beta yakin semua yang dilantik akan melaksanakan tugas masing-masing dengan bersungguh-sungguh, jujur, serta penuh ikhlas agar dapat meningkatkan lagi syiar Islam di negeri ini. Tugas ini merupakan satu amanah Allah SWT yang harus dipikul demi kesejahteraan umat Islam sejagat. Firman Allah SWT dalam Surah An Nisa, ayat 58 yang terkandung dalam watakah pentauliahah membawa maksud, 'Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu untuk melaksanakan amanah kepada ahlinya'.

3. Setiap insan perlu mempunyai sifat amanah dalam menjalankan semua urusan yang dipertanggungjawabkan. **Amanah hendaklah ditunaikan dengan ikhlas** tanpa wujud sebarang konflik kepentingan diri. Sekiranya terdapat konflik kepentingan dalam sesuatu perkara, amanah tersebut haruslah diserahkan kepada orang lain yang layak. Menunaikan amanah adalah tugas yang amat penting, selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

'Bahawa itu adalah suatu amanah dan ia di hari kiamat akan menjadi kerugian dan penyesalan, kecuali bagi orang yang mengambilnya dengan cara hak serta menunaikan kewajipan yang terpikul di atas bahunya.'

(Hadis Riwayat Muslim)

4. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menggariskan konsep amanah dan ikhlas sebagai Nilai Bersama dalam pembentukan hala tuju. Selain amanah dan ikhlas, konsep **syukur** juga menjadi Nilai Bersama untuk memacu MAINS ke hadapan. Beta berpandangan, Nilai Bersama MAINS iaitu amanah, ikhlas dan syukur seharusnya juga diamalkan oleh semua ahli masyarakat. Kita seharusnya bersyukur atas apa jua hasil dan kejayaan yang dikurniakan Allah SWT. Seterusnya, kita perlu berazam untuk meningkatkan lagi rezeki harta atau pangkat dengan kaedah yang betul dan halal bukan sahaja dari sudut agama dan undang-undang, malah, memenuhi keperluan moral dan budaya yang dipraktikkan masyarakat. Ini secara tidak langsung dapat memastikan harta atau pangkat tidak diperolehi dengan mengganggu hak orang lain.

5. Beta pernah bertitah bahawa untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni kepada seluruh masyarakat ialah dengan memberi didikan awal kepada generasi muda. Beta telah disembang maklum bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan telah menggerakkan usaha merealisasikan hasrat Beta untuk melihat secara serius proses pembinaan tingkah laku kanak-kanak supaya seiring dengan teori pendidikan Islam yang dipelajari. Dengan kerjasama Institut Perguruan Raja Melewar, Modul Aulad Sejahtera yang sedang diusahakan, diharap dapat melahirkan insan yang berpekerti mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Beta berpandangan, satu jawatankuasa kecil yang dianggotai wakil-wakil daripada MAINS, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Institut Perguruan Raja Melewar, dibentuk untuk memantau keberkesanan, membuat semakan serta menambah baik modul ini dari semasa ke semasa. Persatuan Ibu bapa Guru (PIBG) juga wajar dilibatkan untuk memberi idea dan pendapat.

6. Baru-baru ini, Beta telah melancarkan risalah ringkas terjemahan bacaan dalam solat kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman maksud bacaan dalam solat kepada masyarakat Islam yang tidak memahami bahasa Arab. Pada masa ini, MAINS sedang mengedarkan 7,000 naskah risalah tersebut secara berperingkat ke masjid-masjid di Negeri Sembilan. Alhamdulillah, Beta disebarkan maklum bahawa ramai yang telah memberi reaksi yang positif dan berpandangan risalah ini telah membantu meningkatkan pemahaman mereka tentang pelaksanaan solat. Untuk menambah baik risalah ini, MAINS sedang membuat rakaman audio bacaan dalam solat melalui aplikasi *QR Code* untuk edisi ulang cetak yang akan diterbitkan dalam masa terdekat.

7. Pada awal tahun 2021, untuk menambah baik pengurusan dan pentadbiran, MAINS telah dijadikan sebagai sebuah agensi Islam bertaraf **Badan Berkanun Diasing Saraan Dan Dibebaskan (BBDSB)** yang memberi tumpuan khas kepada pengurusan zakat, wakaf, harta dan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat Islam di Negeri Sembilan. Selari dengan itu, MAINS telah berjaya menggubal pelan hala tuju yang jelas dan komprehensif bagi merealisasikan perkhidmatannya kepada masyarakat. Objektif yang digariskan dalam hala tuju MAINS hendaklah dicapai agar dapat memberikan impak positif demi kesyumulan Islam dan ummah yang berkualiti.

8. MAINS juga kini sedang berusaha untuk bertindak lebih proaktif dalam memperkasakan pelbagai inisiatif berkaitan urusan pengagihan zakat seiring dengan keperluan semasa. Beta disebarkan maklum, bermula bulan April yang lalu, MAINS telah melaksanakan pengagihan zakat kepada fakir dan miskin berdasarkan Kadar Kecukupan (*had kifayah*) mengikut keperluan isi rumah masing-masing. Bantuan bulanan tetap RM250 sebelum ini telah dinaikkan

kepada antara RM500 sehingga RM800 bergantung kepada jumlah isi rumah. Selain daripada itu, MAINS juga sedang membudayakan amalan berwakaf bagi meningkatkan pegangan aset dan hartanah untuk kepentingan agama dan pembangunan masyarakat Islam. MAINS turut menyediakan perkhidmatan berkaitan hibah, wasiat, faraid dan pengurusan harta orang Islam di Negeri Sembilan.

9. Di samping itu, Beta juga telah memperkenankan penubuhan sebuah agensi di bawah MAINS khusus untuk meningkatkan sektor ekonomi dan pendapatan MAINS, iaitu **Perbadanan MAINS** yang telah diwartakan penubuhannya pada 28 Oktober 2021. Perbadanan MAINS akan memberi fokus kepada pengurusan pelaburan, perniagaan, aset dan hartanah serta mengkomersilkan produk-produk yang dimiliki oleh MAINS. Beta yakin Perbadanan MAINS akan mempertingkatkan keupayaan MAINS untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

10. Seperti yang kita semua sedia maklum, Mahkamah Syariah adalah satu komponen yang amat penting dalam pentadbiran Islam. Beta amat bangga dengan terbinanya Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sembilan di Bandar Seri Sendayan pada tahun 2013. Kini, Kerajaan Negeri telah memulakan pembinaan bangunan baharu Mahkamah Syariah Daerah Jempol yang dijangka akan siap pada tahun 2022. Beta yakin, dengan pembinaan bangunan baharu ini, masyarakat setempat akan lebih mudah mendapatkan perkhidmatan perundangan. Di samping itu, pada tahun 2019, Beta juga telah melancarkan program ANSAR kelolaan Persatuan Peguam Syarie Negeri Sembilan. Program ANSAR yang menawarkan khidmat guaman syariah secara percuma kepada mereka yang layak telah menerima sambutan yang amat menggalakkan.

11. Mengakhiri titah, Beta ingin mengingatkan bahawa kesemua inisiatif penambahbaikan yang dimulakan ini, tidak akan berjaya tanpa sokongan dan integriti semua pihak. Oleh itu, Beta menyeru kepada semua yang terlibat dengan institusi pentadbiran Islam di Negeri Sembilan supaya mengamalkan nilai-nilai murni dalam semua urusan. Semoga usaha kita ini diberkati dan beroleh kejayaan.

Sekian.

*Wabillahittaufig, Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*